# Kajang kaya warisan sejarah

Rozdan Mazalan - September 29, 2019 @ 10:00am
rozdan@bh.com.my



Restoran Sate Kajang Hj. Samuri. - Foto Zulfadhli Zulkifli

'Kajang Pak Malau kajang berlipat, Kajang hamba mengkuang layu; dagang Pak Malau dagang bertempat, dagang hamba musafir lalu'.

Bicara pantun yang cukup puitis petikan dari filem Seri Mersing diterbitkan 1961 diarahkan sutradara Allahyarham Salleh Ghani, sedikit sebanyak menyebut nama kajang. Namun yang mahu diperkatakan Kajang, Selangor, iaitu sebuah pekan yang sudah wujud lebih 150 tahun lalu di mana asal usulnya memang berkait rapat dengan pantun berkenaan.

Khabarnya Kajang mendapat nama daripada penduduk asal orang asli dari kaum Temuan yang membawa maksud anyaman dari tumbuhan mengkuang hutan.

Malah pendapat lain juga menyebut, sebuah pondok pernah didirikan di pinggir Sungai Ujong oleh seorang pembesar dengan menggunakan daun mengkuang yang dilipat kajang.

DISYORKAN UNTUK ANDA

- Penduduk sudah buat aduan sejak 2019
- Kajang banjir lagi
- Status pemilikan Jalan Saujana Impian belum diputuskan
- Salah laku integriti Jabatan Penjara

TERKINI PILIHAN PEMBACA

10m Penganalisis jangka Ismail Sabri teruskan aspirasi kerajaan PN
12m Malaysia raih manfaat inisiatif Deutsche Post DHL
14m PAS sokong Ismail Sabri calon PM
21m 'Jawatan lantikan politik tidak gugur secara automatik'
24m Pemimpin kesatuan sekerja Kemboja dipenjara dua tahun
27m 'Anwar mampu lonjak ekonomi negara' - Mahfuz
31m KKM sentiasa tambah baik fungsi MySejahtera
32m Sambutan Hari Kebangsaan akan diteruskan - KSU KKMM

Bantu kami dalam kaji selidik mudah dan dapatkan ganjaran
(https://vodus.my/sync?syncType=4&partnerWebsiteId=3&questionId=3475 ... minggu/kembara/2019/09/612085/kajang-kaya-wa...)
×
Apakah jantina anda?
Lelaki
Perempuan
VPoints: 1 (https://vodus.my/sync? ... minggu/kembara/2019/09/612085/kaja...)
(https://vodus.my/sync? ... kajang-kaya-warisan-sejarah&host=www.bharian.com.my)

- Salah laku integriti Jabatan Penjara rendah - KP

Apapun pendapat yang disampaikan orang-orang lama tetap relevan, malah tetap dibuktikan dengan pelbagai peninggalan khazanah warisan yang boleh kita pelajari sekiranya bertandang ke Kajang hari ini.




Lee kim sin menunjukkan lampu pelita lama di galeri Kajang Heritage Centre.. - Foto Zulfadhli Zulkifli

Kerjasama promosi Kajang

Bandar Kajang sebenarnya memiliki kekuatan dalam segmentasi pelancongan berteraskan kebudayaan yang mempunyai potensi besar dalam menarik kedatangan pelancong domestik dan antarabangsa ke Selangor.

Tourism Selangor, Majlis Perbandaran Kajang (MPKJ) dan Kajang Heritage Centre masing-masing berkolaborasi bagi mengangkat warisan yang terdapat di sekitar bandar itu.

Usaha menarik pelancongan ke Kajang sudah dilaksanakan oleh Pusat Warisan Kajang (Kajang Heritage Centre) dengan inisiatif membuka galeri pameran sejak tahun 2000 lagi.

Malah, bahan pameran terdiri daripada perabot, buku lama, termasuk peralatan untuk melombong biji timah yang digunakan pada awal tahun 1900 disumbang masyarakat setempat sebagai khazanah yang perlu dipelihara untuk tatapan generasi baharu.

## VAKSIN


NASIONAL Ogs 17, 2021 @ 6:16pm
Sultan Kedah titah segera tambah bekalan vaksin


WILAYAH Ogs 17, 2021 @ 5:14pm
MBSP benarkan sektor ekonomi dibuka


NASIONAL Ogs 17, 2021 @ 4:35pm
Pesakit COVID-19 HTAR menurun separuh


NASIONAL Ogs 17, 2021 @ 4:09pm
19,631 jangkitan COVID-19 hari ini


NASIONAL Ogs 16, 2021 @ 3:49pm
Lebih 19,000 pesakit baharu hari ini


NASIONAL Ogs 16, 2021 @ 12:03pm
Sultan Kelantan mahu pemberian vaksin dipercepatkan

## TRENDING


NASIONAL 23 minit yang lepas
'Jawatan lantikan politik tidak gugur secara automatik'


NASIONAL 2 jam yang lepas
'Shafie berpeluang dicalonkan sebagai PM'


NASIONAL 2 jam yang lepas
'Ada pertambahan sokongan kepada Anwar' - Shamsul Iskandar



## MYR





(https://vodus.my/sync? Bantu kami dalam kaji selidik mudah syncType=4&partnerWebsiteId=3&questionId=3475 dan dapatkan ganjaran minggu/kembara/2019/09/612085/kajang-kaya-wa
×
Apakah jantina anda?
Lelaki
Perempuan
VPoints: 1 (https://vodus.my/sync?
syncType=2&partnerWebsiteId=3&questionId=3475&url=https://www.bharian.com.my/rencana/minggu/kembara/2019/09/612085/kajang-kaya-warisan-sejarah&host=www.bharian.com.my)



TIPS & PETUA Ogs 17, 2021 @ 3:37pm

Tak Usah Pening Lagi, Ini Beza Santan Segar, Kotak & Serbuk Yang Wajib Anda Tahu

RESIPI Ogs 17, 2021 @ 12:59pm



Resipi Kek Batik Horlick Cheese, Rasa Memang Sedap & Tak Muak



RESIPI Ogs 17, 2021 @ 10:47am

Cara Buat Bihun Ala Pama Homemade, Puas Hati Makan Licin Satu Periuk!




Pejabat pos lama bandar Kajang yang masih digunakan hingga kini. - Foto Zulfadhli Zulkifli

**Tarikan pelancong**

Pengarah Pusat Warisan Kajang, Lee Kim Sin, berkata bandar Kajang tidak hanya dilengkapi jaringan sistem perhubungan awam yang efisien, tetapi juga dilengkapi dengan ciri-ciri sejarah yang menarik.

Katanya, meskipun tidak ramai yang mengetahui kewujudan Pusat Warisan Kajang yang sudah dibuka sejak tahun 2000, namun pusat ini tetap dikunjungi pelancong khususnya dari luar negara yang mengetahuinya menerusi media sosial.

“Hasil kolaborasi bersama Tourism Selangor dan MPKJ, program Heritage Walk Tour diharap dapat memperkenalkan lagi bandar Kajang ini sebagai bandar yang memiliki banyak warisan lama.

“Program ini membawa pelancong dalam dan luar negara berjalan di bandar Kajang dengan mengunjungi tujuh tempat secara berjalan kaki di sekitar bandar Kajang yang memiliki sejarah dan warisan lama.

“Antaranya galeri di Pusat Warisan Kajang yang memiliki lebih 300 artifak, Pejabat Pos dibina pada 1914, Masjid Jamek Kajang (1890-an), Kuil Shen Sze She Yar yang berusia lebih 120 tahun, Bangunan Dato Nazir (Restoran Sate Kajang Haji Samuri), Stadium Kajang dan Muzium Kajang.

“Segala imformasi boleh di dapati di galeri Pusat Warisan Kajang yang dibuka secara percuma setiap Sabtu jam 10 pagi hingga 5 petang,” katanya.


## OHBULAN



ULAR SAWA 29 minit yang lepas

Sempena Hari Kebangsaan, Remaja Cabar Diri ‘Lepak’ Dengan Lima Ular Sawa...



MENGANDUNG 2 jam yang lepas

Anak Bongsu Belum Cukup Setahun, Jamal Abdillah Bakal Timang Anak Ke-5



VIDEO VIRAL 2 jam yang lepas

[VIDEO] Awal-Awal Gangster, Sekali ‘Hati Tisu’ Bila Member Bagi Kad Ucapan &...



KINI TRENDING 3 jam yang lepas

Fobia Terhadap Makanan, Kanak-Kanak Ini Hanya Makan Roti & Yogurt Setiap Hari...



LENSA INSTA 4 jam yang lepas

‘Assamualaikum Baby Sefriel’ – Dr Say Shazril Timang Cahaya Mata Kedua

## SIRAPLIMAU



TANDA COVID19 18 minit yang lepas

Cara Kurangkan Risiko Covid-19 Bila Berkongsi Kereta-KKM



TIPS DIET 3 jam yang lepas

Makan Banyak Tapi Maintain Kurus, Rupanya Lemak Tengah ‘Sembunyi’!







Bantu kami dalam kaji selidik mudah dan dapatkan ganjaran

Apakah jantina anda?

Lelaki

Perempuan

VPoints: 1




Pemilik kedai biskut, Siew Poh Chang, 88 bersama pelbagai jenis biskut di kedainya. - Foto Zulfadhli Zulkifli

**INFO: Kajang**

- Jarak dari Kuala Lumpur ke Bandar Kajang 22 kilometer (km), Semenyih (8 km) dan Bandar Baru Bangi (12 km).
- Bancian pada 2010 terdapat seramai 342,657 orang penduduk di Kajang.
- Pecahan mengikut kaum Melayu seramai 60.4 peratus (%) Cina (19.3 %), India (9.7 %) dan Etnik lain (10.6 %).
- Kajang memiliki empat sungai utama iaitu Sungai Langat, Sungai Bangi, Sungai Semenyih dan Sungai Chua.

**Disyorkan untuk anda** Recommended by


**Doctors Amazed: New Lung Cleaning Device...**
AirPhysio
Get Quote


**'Fifty Shades of Grey' Director Sam Taylor-...**
Mansion Global



**Reimagine Cricket with tech**
HCL Technologies
Sign Up


**Wanita yang berumur 52 tahun mampu kelihata...**
AsiaStory


**The Cost of Stair**


**Sharpest $29**


**See Everything**


**The Positive**

(https://vodus.my/sync?syncType=4&partnerWebsiteId=3&questionId=3475 minggu/kembara/2019/09/612085/kajang-kaya-wa Bantu kami dalam kaji selidik mudah dan dapatkan ganjaran ×

**Apakah jantina anda?**

Lelaki

Perempuan

VPoints: 1 (https://vodus.my/sync?syncType=2&partnerWebsiteId=3&redirectUrl=https://www.bharian.com.my/rencana/minggu/kembara/2019/09/612085/kajang-kaya-warisan-sejarah&host=www.bharian.com.my)

Lifts in Cheras in 2021 Might...
Stair Lift | Search Ads

Japan Kitchen Knife Is Taking...
Huusk

from Miles Away with This $47...
tech4-you.com

Impact of the Malaysian Energ...
Energy Watch
Learn More





2021 © BH, New Straits Times Press (M) Bhd. A part of Media Prima Group
Redaksi Disclaimer Notis Perlindungan Data Peribadi



Bantu kami dalam kaji selidik mudah dan dapatkan ganjaran

Apakah jantina anda?

Lelaki

Perempuan

VPoints: 1



(https://vodus.my/sync?syncType=4&partnerWebsiteId=3&questionId=3475 minggu/kembara/2019/09/612085/kajang-kaya-wa
(https://vodus.my/sync?syncType=2&partnerWebsiteId=3&redirectUrl=https://www.bharian.com.my/hujung-minggu/kembara/2019/09/612085/kajang-kaya-warisan-sejarah&host=www.bharian.com.my)